KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

# SIARAN MEDIA
# KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

## MAKLUMAN BERKENAAN KEBENARAN UNTUK BEROPERASI BAGI SYARIKAT-SYARIKAT SEKTOR LOGISTIK SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) MULAI 13 JANUARI 2021

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) ingin merujuk kepada Perutusan Khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 11 Januari 2021 mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di enam buah negeri iaitu Johor, Melaka, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Selangor, Pulau Pinang dan Sabah mulai 13 hingga 26 Januari 2021.

Dalam hal ini, MOT amat peka dan memandang serius segala isu atau permasalahan melibatkan orang ramai terutama bagi memastikan kelangsungan aktiviti perdagangan dan sektor logistik yang berhubungkait dengan pengoperasian pengangkutan dapat terus beroperasi dengan lancar dan selamat. Justeru itu, bagi memastikan kelancaran pergerakan, pemilik kenderaan perdagangan tidak disyaratkan untuk mendapatkan surat kelulusan daripada MOT dan memadai hanya dengan mendapat surat pengesahan daripada majikan masing-masing.

Sebagai makluman, tiada sekatan untuk kenderaan perdagangan beroperasi sepanjang tempoh PKP ini. Bagi tujuan ini, laluan khas akan disediakan di setiap Sekatan Jalan Raya (SJR) dan pemandu kenderaan perdagangan hanya perlu mengemukakan surat pengesahan majikan untuk beroperasi jika diminta oleh pihak berkuasa.

Bagi syarikat-syarikat sektor logistik yang lain (contohnya seperti *freight forwarders*, operator gudang) yang berdaftar dengan persatuan masing-masing, surat kebenaran daripada MOT boleh diperolehi dari persatuan masing-masing. Surat Kebenaran daripada MOT dan bukti keahlian persatuan perlu disertakan sekiranya diminta oleh pihak berkuasa. Manakala bagi syarikat yang tidak berdaftar dengan mana-mana persatuan, surat kelulusan daripada MOT boleh dipohon menerusi pautan https://application.mot.gov.my/.

Pihak Kementerian ingin menasihatkan orang ramai supaya sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kerajaan seperti tidak keluar dari rumah, melainkan sekiranya benar-benar perlu sahaja. Bagi pengguna pengangkutan awam, dinasihatkan supaya sentiasa mematuhi SOP dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), mengamalkan penjarakan fizikal serta sentiasa menjaga kebersihan diri sebagai langkah pencegahan dalam berdepan penularan pandemik COVID-19.

Sebarang aduan / pertanyaan, sila e-mel ke aduan@mot.gov.my, atau WhatsApp ke 019-2907723 atau menghubungi Hotline MOT : 1800-88-7723 (8 pagi – 6 petang). Atau boleh menghubungi Pusat Pengurusan Operasi Negara, Majlis Keselamatan Negara, di talian 03-88882010.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**
**13 JANUARI 2021**

**-TAMAT-**

---

**Tentang MOT**:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**<u>Pertanyaan Media</u>**
**Kementerian Pengangkutan Malaysia**
**Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
Faks +603 8892 0208
E-mel sua@mot.gov.my
unitkomunikasikorporat@mot.gov.my